

Jenis Akhbar : *Harian Metro*  
Tarikh : *14/04/2023*  
Edisi / Muka Surat : *Nasional / 12*  
Tajuk : *Elak tertipu tawaran pinjam wang mudah*

## Elak tertipu tawaran pinjam wang mudah

**Kuala Lumpur:** Sempena perayaan Aidilfitri yang bakal disambut umat Islam tidak lama lagi, masyarakat di negara ini diingatkan supaya berhati-hati dan tidak mudah percaya dengan sebarang tawaran pinjaman wang mudah.

Presiden Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) Datuk Seri Dr Abdul Fattah Abdullah berkata terlalu banyak pinjaman ditawarkan oleh pelbagai pihak

pada musim perayaan dengan syarat mudah termasuk kepada mereka yang disenarai hitam.

"Jadi saya harap mereka tidak terperangkap kalau ada tawaran yang sedemikian. Kadang-kadang scammer, ataupun (apabila) terima panggilan, kena periksa betul-betul supaya maklumatnya jelas.

"Kalau ada kemusykilan, bolehlah rujuk kepada Angkasa (untuk) mendapatkan penjelasan lanjut," katanya.

Perustakaan Koperasi  
Malaysia ANGKASA